**BERITA ONLINE**
**BERNAMA**
**TARIKH: 13 OKTOBER 2021**
**(RABU)**

# MTDC komited perkukuh jaringan perniagaan PMKS melalui Ekspo 2020 Dubai




Datuk Norhalim Yunus

**Oleh Siti Noor Afera Abu**

KUALA LUMPUR, 13 Okt -- Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) komited mengukuhkan jaringan perniagaan syarikat tempatan terutamanya perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) ke pasaran antarabangsa melalui Ekspo 2020 Dubai.

Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Norhalim Yunus berkata ia adalah salah satu usaha agensi tersebut mengenal pasti syarikat-syarikat tempatan dalam menghubungkan perniagaan mereka dengan pemain industri global.

Jaringan perniagaan menerusi padanan pemiagaan dan perkongsian maNumat yang dimeterai merierusi memorarxlum persefahaman (MoU) di Ekspo 2020 Dubai baru-baru ini adalah perjanjian pemiagaan-kepada-perniagaan (B2B) bagi syarikat di bawah kelolaan MTDC dan pelanggan berpotensi di sana.

“Xerjasama yang dimeterai (MoU) ini adalah hasil daripada jaringan pemiagaan yang kota bina sejak MTDC beroperasi selama 29 tahun bermula 1992.

"Xita serrtiaaa bzzhubung dan menjalin kerjasama dengan syarikat PIdKS dalam usaha mereka untuk mendapatkan pelanggan berpotensi,’ katanya kepada Bemama.

Norhalim rnenambah antara syarikat yang memanfaatkan kemudahan yang disediakan MTDC ialah Euro-Circu“rt Teclology Sdn Bhd yang mengetengahkan teknologi rawatan minyak berasaskan air boleh terbiodegralasi — Bio-Solve.

Syarikat bet1tenaan menerima dana sebanyak R/d4.3 juta daripada Dana Permulaan Pemiagaan @SF}, untuk mengkomersilkan hasil penyelidikan di pasaran Malaysia sertaantarabangsa.

”Syarikat ini adalah salah satu contort yang dibaritu oleh MTOC dalam mernbangunkan uaahawan bermda daripada kegiatan penyelidikan akademi dan seterusnya membaca teknologi tersebut menembusi pasaran antarabangsa katanya.

Bagi pengasas dan pengarah urusan Euro-Circuit Technology Sdn Blot Noor Hisham Ab HamiQ dana yang disalurkan MTDC eejak Z016 telah meletakkan syarikat itu di posi i strategik dan membarrtu mengukuhkan pemiagaannya di peringkat antambangsa.

lrx›vaei pengasingan minyak bertera kan teknologi hijau itu menarik minat bukan eahaja pzxnain induetri minyak dan gas tempatan, malah juga beberapa negara pengeluar minyak dan gas yang lain, katanya.

Bio-solve. — produk teknologi Jawatan minyak boasaskan air boleh terbicdegradasi yang dihasilkan Euro-Circu“8 Technology merupakan antara inovasi yang dipamerkan Pavilion Malaysia di Ekspo 2020 Dubai.

“Ekspo 2020 Dubai merupakan penyertaan pertama kami. Sebelum ini kami hanya berhubung terus dengan rakan kongsi di luar negara yang berminat dengan tekrologi yang dipasarkan. Mereka bersetuju untuk menjalin kerjasama bersama,“ kata Noor Hisham.

Euro-Cimuit Technology telah menandatangani MoU bersama Idodern Arab Laboratories LLc bagi membekalkan produk Bio-SolvO. kepada semua irxlustri minyak dan gas, penjanaan kuaaa, pihak berkuasa perltapalan dan pelabuhan.

Selain itu, syarikat itu turut menandatangani MoU dengan Bardwil Specialities Qatar WII dan Al Ghad Al Zahir for Dilfield Ltd bagi pembekalan Bio-Solve. untuk industri minyak dan gas di Kuwait serta Iraq.

Produk Bio-5olv@. dipamerkan di Pavilion Malaysia Ekspo 2020 Dubai, sejajar dengan motto *'Energizing Sustainabilifi* untuk menyampaikan visi lestari Malaysia.

Penyertaan MTDC pada minggu ke-2 diterajui oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan Pusat Perubahan Iklim dan Teknologi Hijau IVlalaysia (MGTC) sebagai agensi pelaksana.

— BERNAMA